

## UniSZA jalin kerjasama dengan UNAS

**Kuala Nerus:** Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Nasional (UNAS), Indonesia bagi menjalin kerjasama membabitkan pertukaran mahasiswa, tenaga pakar, aktiviti pertukaran budaya dan penyelidikan bersama.

Naib Canselor UniSZA Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim berkata, MoU itu satu kerjasama baik yang dapat meningkatkan aktiviti penyelidikan selain pertukaran pakar mahir dalam bidang tertentu antara kedua-dua pihak.

"Banyak penyelidikan boleh dijalankan bersama antara UniSZA dan UNAS dari segi budaya dan keusahawanan dengan meliputi dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia.

"Contohnya, kita boleh buat kajian mengenai batik Indonesia dan Malaysia kerana batik di kedua-dua negara ini mempunyai ciri dan keunikan tersendiri," katanya pada majlis MoU di Dewan Senat, UniSZA, Kampus Gong Badak, semalam.

Pada majlis itu, Prof Datuk



DR Yahaya (kiri) bertukar dokumen MoU dengan Dr El Amry.

“Banyak penyelidikan boleh dijalankan bersama antara UniSZA dan UNAS dari segi budaya dan keusahawanan”

**Dr Yahaya**

Dr Yahaya menandatangani MoU mewakili UniSZA dan disaksikan Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan & Pembangunan Prof Dr Mohd Ekhwan Toriman, manakala delegasi UNAS pula diwakili Rektornya Dr El Amry Ber-

mawi Putera dengan disaksikan wakil UNAS Dr Ramlan Siregar.

Seramai 43 delegasi dari UNAS iaitu Rektor, penganjur tertinggi, dekan beberapa pusat pengajian dan mahasiswa datang ke UniSZA sempena kunjungan hormat selama lima hari bermula 1 November sehingga hari ini.

Pelbagai aktiviti dianjurkan antaranya bengkel seni dan budaya, pertandingan sukan bola tampar dan futsal; Malam Asperiasi Budaya Malaysia-Indonesia dan lawatan sekitar bandar raya ini.